

PM dijangka hadir ^{Dr. M - Overseas} Sidang ^{trips.} Puncak G - 15

MO 27 MAR
NEW DELHI 26 Mac —
Perdana Menteri, Datuk
Seri Dr. Mahathir Mohamad
dan empat pemimpin negara
G-15 dijadualkan tiba di
Lapangan Terbang Indira
Gandhi di sini esok bagi
menghadiri Sidang Puncak
Luar Biasa Kumpulan Ker-
jasama Selatan-Selatan itu.

Sehingga hari ini,
pegawai-pegawai urusetia
sidang mengesahkan hanya
tujuh ketua negara dan ke-
rajaan akan menghadiri si-
dang tiga hari yang bermula
28 Mac di Vigyan Bhavan
(Dewan Sains).

Lain-lain pemimpin yang
akan tiba esok ialah dari
Indonesia, Mesir, Senegal,
Zimbabwe dan Nigeria.

Presiden Argentina yang
dijadualkan menjadi tuan
rumah sidang akan datang
dijangka tiba pada hari tera-
khir persidangan. Beliau
adalah satu-satunya ketua
negara dari Amerika Sela-
tan dan Carribean yang
akan menghadiri sidang ini.

Lain-lain pemimpin nega-
ra di rantau itu - Brazil,
Peru, Chile, Venezuela, Me-
xico dan Jamaica dijangka
tidak hadir.

Algeria dan Mesir, turut
membatalkan kehadiran
presiden mereka semalam.

Peribadi

Bagaimanapun kesemua
negara itu menghantar
wakil peribadi pemimpin
mereka, kecuali Mexico
yang langsung tidak diwa-
kili pada mesyuarat peri-
ngkat pegawai kanan sem-
alam.

Kesemua pemimpin di-
temani oleh isteri masing-
masing termasuk Datuk
Seri Datin Paduka Dr. Siti
Hasmah Ali akan mengi-
nap di Hotel Maurya
Shcraton kira-kira empat
kilometer dari tempat per-
sidangan.

Sidang akan bermula Is-
nin ini dengan ucapan Per-
dana Menteri India, P.V
Narasimha Rao selaku pe-
ngerusi, diikuti wakil Asia
Presiden Suharto dan wa-
kil Afrika.

Sementara itu Dr. Ma-
hathir dijangka mengada-
kan perjumpaan
berasingan dengan Presi-
den Argentina bagi mem-
bincangkan hubungan dua
hala, selepas persidangan.

Pelbagai perkara kepen-
tingan bersama akan di-
sentuh khususnya ekono-
mi.